



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
28 APRIL 2017 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Harian Metro

- | | |
|--------------------------------|----|
| - Ibarat tumpang rumah sendiri | 61 |
|--------------------------------|----|

Utusan Malaysia

- | | |
|---|----|
| - Lebih 20 juta diperlukan kerja naik taraf sistem perparitan | 34 |
|---|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
28 APRIL 2017 (JUMAAT)

Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Ibarat tumpang rumah sendiri
Muka Surat	61



SEBAHAGIAN pemilik unit rumah di Taman Kelab Ukay yang tidak mendapat hak pemilikan individu sejak 33 tahun lalu mengadakan perjumpaan.

Ibarat tumpang rumah sendiri

■ 400 pemilik tidak diberi dokumen hak pemilikan kediaman dibeli 33 tahun lalu

→ 8/4/17
M/S 61
HM

Asrizal Aris
asrizal.aris@hmetro.com.my

Ampang

Lebih 400 pemilik unit rumah di Taman Kelab Ukay, Bukit Antarabangsa, di sini, buntu selesaikan dokumen hak pemilikan rumah yang dibeli sejak 33 tahun lalu, tidak diberi oleh pihak pemaju sehingga kini.

Perkara itu menyebabkan pemilik unit sukar untuk membuat pertukaran hak milik dan urusan jual beli memandangkan ramai antara mereka sudah berusia, uzur dan ada yang sudah meninggal dunia.

Lebih menyulitkan, pihak pemaju enggan memberi kerjasama sejauh lebih sepuh tahun lalu dan diakwa bertindak memutarbelitik keadaan dengan campur tangan pihak luar.

Penduduk Taman Kelab Ukay, Datuk Mazlan Mohamed Din berkata, beliau antara pembeli unit terawal di taman itu pada tahun 1984 yang berdepan pelbagai masalah berkaitan pembelian rumah di situ termasuk projek terbengkalai selama 12 tahun sebelum ia disiapkan.

Katanya, meskipun pembeli unit diberi kunci untuk memasuki rumah nad-

barang dokumen sebagai hak milik.

"Kami sudah adukan perkara ini sejak 20 tahun lalu kepada semua pihak berwajib termasuk kerajaan negeri supaya membantu mendapatkan hak kami, namun tidak diselesaikan sehingga sekarang.

"La seolah-olah pihak yang ada kuasa dalam perkara ini dikawal oleh pemaju yang menganggur banyak keuntungan melalui pelbagai projek di kawasan ini.

"Kami ibarat menumpang di rumah sendiri. Hendak wakaf dan wasiarkan rumah kepada badan amal pun berdepan masa-lah," katanya ketika membuat perjumpaan bersama penduduk di Taman Kelab Ukay, di sini, semalam.

Menurutnya, kemudahan disediakan kepada penduduk yang juga ahli Kelab Ukay seperti kolam renang, dewan dan fasiliti lain turut digunakan pemaju dan diserahkan kepada agensi lain untuk mengendalikannya.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Kelab Ukay, Syed Zulkifli Syed Masir berkata, taman itu seluas 30 hektar membutuhkan 447

puri yang kebanyakannya sudah habis dibayar pemilik.

Katanya, selepas berurusan dengan pelbagai pihak, difahamkan pemaju perlu membayar RM12 juta kepada pejabat tanah untuk meluluskan pemilik mendapatkan hak pemilikan rumah dan CE.

"Kami hanya minta pihak berwajib dan kerajaan negeri membantu kami untuk memudahkan urusan mendapatkan hak pemilikan individu kerana pemaju boleh membuat apa saja terhadap rumah kami.

"Pemaju seperti ada agenda lain terhadap kawasan ini dengan bertindak menukar nama syarikat beberapa kali serta memberi kami dokumen palsu dan pelbagai helah," katanya.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Norhayati Ahmad berkata, berdasarkan semakan untuk Taman Kelab Ukay, unit rumah di situ sudah mempunyai CE.

Bagaimanapun, katanya, hak milik strata individu masih belum dikeluarkan kerana untuk hak milik itu pemaju perlu memohon sendiri kenada Pejabat Ta-

FAKTA
Pembeli unit
diberi kunci untuk
memasuki rumah
pada 1996



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
28 APRIL 2017 (JUMAAT)**

Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Lebih 20 juta diperlukan kerja naik taraf sistem perparitan
Muka Surat	34

Lebih RM20 juta diperlukan kerja naik taraf sistem perparitan

um 28/4/17
nys 34.

AMPANG JAYA 27 April - Peruntukan melebihi RM20 juta bagi menjalankan kerja-kerja me-naik taraf sistem perparitan bagi mengatasi banjir kilat menyebabkan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) terpaksa menangguhkan hasrat tersebut.

Yang Dipertua, Abd. Hamid Hussain berkata, pihak MPAJ memohon peruntukan berkenaan daripada kerajaan negeri, namun belum mendapat kelulusan.

"MPAJ sedang berusaha mencari peruntukan bagi menyelesaikan masalah banjir kilat di kawasan Ampang Jaya. Jika peruntukan diluluskan, kerja-kerja naik taraf sistem perparitan akan dilaksana dengan segera.



ABD. HAMID HUSSAIN

"Pihak MPAJ bercadang melaksanakan projek secara menyeluruh di Taman Nirwana dan Pandan Indah bagi mengatasi masalah tersebut. Oleh kerana kos melebihi RM20 juta di kedua-dua kawasan itu, usaha berkenaan tidak dapat dilaksana dalam masa terdekat," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai banjir kilat di sini hari ini.

Terdahulu, beliau melancarkan sebuah aplikasi parkir telefon pintar bagi memudahkan pengguna kendaraan membuat bayaran secara dalam talian.

Semalam, hujan lebat sejak pulak 4.30 petang menyebabkan beberapa kawasan seperti Jalan Kampung Pandan, Dataran Pandan Prima, Pandan Jaya, Ampang Jaya, Taman Nirwana dan Teratai dinaiki air.

Menurut Abd. Hamid, kapasiti longkang kecil tidak mampu menampung taburan hujan yang tinggi di kawasan tersebut.

"Bagaimanapun, banjir kilat mulai surut selepas hujan lebat selama satu jam. Saya berharap para penduduk dapat bersabar kerana kejadian itu tidak berlaku sepanjang masa," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, pelaksanaan aplikasi parkir telefon pintar akan bermula bulan depan dan boleh dimuat turun secara percuma di AppStore dan Google PlayStore.



LALUAN bersebelahan stesen minyak Petronas di Dataran Pandan Prima, Ampang, Selangor dinaiki air menyebabkan beberapa kendaraan hampir tenggelam ekoran hujan lebat, kelmarin - UTUSAN/ZUL FADLI SHARIFUDIN